


# Tambat 250 sangkar elak dihanyut arus



PENTERNAK ikan sangkar di Kampung Pantai Ali, bergotong-royong memperkemas sangkar ikan bagi menghadapi banjir. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

29/11/23 m/s 13  
**Kuala Berang:** Bagi mengurangkan impak kerosakan apabila berlakunya banjir, sekumpulan penternanak ikan sangkar mengambil langkah awal dengan mengikat 250 sangkar dengan kemas sebelum menolak jauh dari tebing sungai.

Penternak, Naim Man Mohd Abdullah, 30, berkata, kerja menguatkan ikatan antara sangkar dilakukan berperingkat secara berterusan.

Menurutnya, saban tahun rutin mengikat sangkar dengan kemas antara satu sama lain akan dilakukan terutama apabila tiba banya musim tengkujuh.

Katanya, sangkar yang dikemaskan dapat mengurangkan impak seperti di-

hanyutkan arus sungai yang deras apabila berlakunya banjir.

“Sangkar ini kita akan bawa jauh sedikit dari tebing kerana apabila berlaku banjir arus sungai akan menolak sangkar berkenaan ke arah tebing.

“Kalau kedudukan sangkar terletak berhampiran tebing, kebarangkalian sangkar untuk hanyut ke darat amat tinggi dan menyukarkan pemilik untuk membawa turun kembali ke dalam sungai selepas tamatnya musim tengkujuh.

“Justeru, setiap masa penternak perlu peka dan akan ke sungai bagi memantau pergerakan sangkar,” katanya yang pernah mengalami kerugian akibat bencana banjir.